

SULIT

SW2213



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER PERTAMA
SESI 2001/2002**

KOD/NAMA KURSUS : SW2213 DINAMIK KELUARGA
TARIKH : 22 SEPTEMBER 2001 (SABTUI)
MASA : 2.30 – 4.30 PETANG (2 JAM)
TEMPAT : DP 1/7

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian iaitu Bahagian A, B dan C di dalam **ENAM BELAS (16)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan di Bahagian A di dalam borang OMR yang disediakan.
3. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan sahaja di Bahagian B dan C di ruangan jawapan yang disediakan.
4. Semua jawapan hendaklah diikat bersama dengan kemas.

NO. MATRIK : _____

(dengan perkataan)

--	--	--	--	--	--

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA PENSYARAH : _____

KUMPULAN :

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

BAHAGIAN A (SOALAN OBJEKTIF)
JAWAB SEMUA SOALAN

1. Keluarga _____ adalah keluarga yang kita bentuk menerusi pernikahan dan seterusnya membesarkan anak-anak.
 - A) *family of origin*
 - B) *family of procreation*
 - C) *family of orientation*
 - D) *family of cohabitation*

2. Faktor-faktor utama dalam teori interaksi simbolik adalah
 - A) komunikasi
 - B) interpretasi
 - C) peranan sosial
 - D) kesemua di atas

3. Teori interaksi simbolik
 - A) memerhatikan bagaimana manusia berinteraksi, berkomunikasi dan bersosialisasi
 - B) melihat bagaimana setiap individu berfungsi dalam sesebuah unit keluarga
 - C) menganalisa sumber-sumber dan kuasa
 - D) memberi tumpuan kepada pertukaran kasih sayang antara dua orang

4. Berdasarkan kepada teori _____, apabila kos emosi dalam sesuatu perhubungan melebihi faedah dan keuntungan, kebarangkaliannya kita akan menamatkan perhubungan tersebut.
 - A) *social exchange*
 - B) *structural functionalism*
 - C) *symbolic interaction*
 - D) *family systems*

5. Teori *social exchange* memberi fokus kepada:
 - A) mengukur perhubungan berdasarkan kepada asas kos/faedah
 - B) keseronokan memenuhi peranan yang telah ditentukan
 - C) kekayaan dan kuasa yang digunakan untuk mengawal orang lain
 - D) keharmonian dan kestabilan dalam perhubungan

6. Kenyataan berikut adalah benar berkenaan teori *social exchange* **KECUALI**:
- A) kita secara sedar mengukur kebanyakan tindakan kita dan juga perhubungan yang dijalinkan
 - B) kita menggunakan analisa kos/faedah dalam setiap perhubungan
 - C) pertukaran (*exchange*) antara manusia mestilah diseimbangkan dan jika tidak hubungan berkemungkinan akan ditamatkan.
 - D) Kerjasama adalah amat perlu untuk kestabilan perhubungan
7. Teori konflik mengandaikan:
- A) perbezaan membawa kepada konflik
 - B) setiap ahli keluarga mempunyai kuasa
 - C) konflik adalah normal
 - D) kesemua di atas adalah benar mengenai teori ini
8. Kuasa dalam perhubungan dilihat sebagai faktor kritikal dalam teori _____.
- A) *social exchange*
 - B) *structural functionalism*
 - C) *conflict*
 - D) *family systems*
9. Di antara berikut, yang manakah **BUKAN** ciri teori konflik yang boleh diaplikasikan kepada keluarga?
- A) ia melihat keluarga dalam bentuk *conflict of interest*
 - B) konflik dalam keluarga sebagai satu perkara semulajadi dan tidak semestinya tidak baik
 - C) sumber kuasa dalam keluarga termasuklah *legitimacy, money, physical coercion dan love*
 - D) ia memberi fokus kepada *love, bonding dan cooperation*
10. Empat sumber penting kuasa dalam perhubungan adalah:
- A) *love, money, education, age*
 - B) *love, money, legitimacy, physical coercion*
 - C) *physical strength, money, beauty, gender*
 - D) *physical coercion, education, age, status*

11. Ahli-ahli teori sistem keluarga (*family systems*)
- A) memfokus kepada corak interaksi antara ahli keluarga
 - B) melihat keluarga sebagai satu struktur yang saling berkaitan
 - C) melihat subsistem sebagai mempunyai sempadan yang kabur sebagai *dysfunctional*
 - D) kesemua di atas adalah benar
12. Berdasarkan teori sistem keluarga;
- A) tugas penting sesebuah keluarga ialah mengekalkan persempadanan (*boundaries*)
 - B) keluarga terbina hasil daripada subsistem yang pelbagai dan tiada kaitan antara satu sama lain
 - C) keluarga sebagai satu sistem yang mempunyai tujuan
 - D) A & C
13. _____ merujuk kepada kepercayaan yang kita ada berkenaan diri sendiri dan orang lain berkaitan kesesuaian sesuatu sifat dan aktiviti perempuan dan lelaki.
- A) *gender role*
 - B) *gender role stereotypes*
 - C) *gender role attitudes*
 - D) *gender role behaviors*
14. Apabila ibubapa mengarahkan perhatian anak kepada satu-satu objek seperti anak patung untuk anak perempuan dan lori untuk anak lelaki, mereka ini terlibat dalam:
- A) *manipulation*
 - B) *channeling*
 - C) *verbal appellation*
 - D) *activity exposure*
15. Pemerhatian di bilik darjah mendapati:
- A) guru memanggil pelajar lelaki lebih kerap berbanding pelajar perempuan
 - B) guru lebih bersabar dengan pelajar lelaki ketika memberi penerangan
 - C) pelajar perempuan yang lebih cerdik selalunya tidak dihargai oleh pelajar lelaki
 - D) kesemua di atas adalah benar

16. Peranan gender lelaki tradisional termasuklah:
- A) komunikasi dan saling faham-memahami
 - B) kerja dan dominan
 - C) kerja dan kerjasama
 - D) agresif dan intimasi
17. Peranan gender wanita tradisional:
- A) mempromosikan pandangan bahawa wanita adalah kurang berkeupayaan berbanding lelaki
 - B) memudahkan keyakinan diri dan juga meningkatkan kesihatan mental
 - C) menyumbang kepada kebahagiaan yang lebih kepada wanita yang sudah berkahwin berbanding mereka yang belum mendirikan rumahtangga.
 - D) B dan C
18. Peranan gender *bipolar*:
- A) mencadangkan setiap jantina mempunyai persamaan yang sedikit antara satu sama lain
 - B) menyokong *expressive/instrumental dichotomy*
 - C) membayangi streotaip peranan gender dalam masyarakat
 - D) kesemua di atas
19. Reiss merujuk perasaan di antara dua orang yang saling faham memahami dalam keadaan yang istimewa sebagai
- A) *rapport*
 - B) *self-revelation*
 - C) *mutual dependency*
 - D) *intimacy needs fulfillment*
20. Di antara berikut yang manakah **BUKAN** komponen Teori Roda Cinta?
- A) *mutual dependency*
 - B) *normative inputs*
 - C) *role conceptions*
 - D) *sociocultural background*
21. Di antara gaya cinta tidak berbalas berikut, yang manakah boleh dikaitkan dengan keinginan untuk jatuh cinta tanpa mengira siapa yang dicintai?
- A) Cyrano
 - B) Giselle
 - C) Don Quixote
 - D) Don Juan

22. Cinta yang intim adalah berdasarkan kepada:

- A) buah-buahan dan minuman
- B) kereta sport dan intan berlian
- C) horoskop dan tilikan nasib
- D) komitmen, kasih sayang dan pendedahan sendiri

23. Penceritaan maklumat peribadi tentang seseorang dipanggil:

- A) *self-disclosure*
- B) *shared intimacy*
- C) *mutual self-expression*
- D) *communication*

24. Markham mendapati corak negatif dan positif komunikasi pasangan mempunyai kesan yang sedikit terhadap kepuasan rumahtangga pada tahun pertama perkahwinan disebabkan:

- A) *love*
- B) *relative love and need theory*
- C) *honeymoon effect*
- D) *kesemua di atas*

25. Penyelidikan mendapati bahawa pasangan yang berpuashati dengan perkahwinan mereka berkecenderungan untuk melakukan perkara-perkara berikut **KECUALI**:

- A) mendedahkan banyak pemikiran negatif
- B) menangani konflik dengan rela hati
- C) menghantar dan menerima mesej dengan tepat
- D) habiskan sedikit masa dalam konflik

26. Berikut merupakan kenyataan yang benar berkaitan perbezaan gender dalam komunikasi **MELAINKAN**:

- A) isteri berkecenderungan menghantar mesej lebih jelas berbanding si suami
- B) suami berkecenderungan memulakan perbincangan dengan nada emosi
- C) kelemahan kemahiran komunikasi menjurus kepada bermulanya masalah rumahtangga
- D) suami berkecenderungan memberi mesej yang neutral atau mengelak dan menarik diri

27. Apabila suami mahu bertukar kerja dan berpindah ke bandar lain tetapi si isteri mahu menetap dan tinggal di tempat sekarang, mereka berdua mengalami:

- A) *basic conflict*
- B) *nonbasic conflict*
- C) *situational conflict*
- D) *personality conflict*

28. Kuasa yang diperolehi menggunakan elemen menakutkan dan ancaman hukuman terhadap pasangannya dinamakan:

- A) *coercive power*
- B) *reward power*
- C) *expert power*
- D) *legitimate power*

29. Apabila kuasa diperolehi berdasarkan kepada penerimaan peranan yang memberi hak kepada seseorang untuk menuntut ketaatan, maka ianya dipanggil:

- A) *reward power*
- B) *legitimate power*
- C) *coercive power*
- D) *expert power*

30. Berasaskan kepada _____, individu yang memperolehi banyak keuntungan daripada satu-satu perhubungan ialah individu yang paling banyak bergantung.

- A) *the principle of least interest*
- B) *relative love and need theory*
- C) *the hierarchy of rules*
- D) *none of the above*

31. Pasangan yang bahagia menunjukkan tingkahlaku berikut **KECUALI**:

- A) *confrontation*
- B) *summarizing*
- C) *validation*
- D) *clarification*

32. Konflik rumahtangga boleh diselesaikan menerusi perundingan dengan:

- A) *bargaining*
- B) *coexistence*
- C) *agreement as a gift*
- D) *kesemua di atas*

33. 'Marriage Squeeze' merujuk kepada:
- A) peningkatan perceraian pertengahan umur
 - B) peningkatan kekerapan perhubungan sulit
 - C) kecenderungan wanita mengahwini lelaki yang lebih tinggi statusnya
 - D) ketidakseimbangan gender dengan kadar wanita yang ada tidak berkahwin berbanding lelaki
34. Kecenderungan wanita untuk mengahwini lelaki yang lebih tinggi statusnya dipanggil:
- A) *marriage gradient*
 - B) *closed fields*
 - C) *marriage squeeze*
 - D) halo effects
35. Elemen paling penting dalam *homogamy* termasuklah:
- A) bangsa, umur, kelas sosioekonomi
 - B) status perkahwinan, kelas sosioekonomi dan status pendidikan
 - C) orientasi seksual, status sosioekonomi dan pekerjaan
 - D) ras, agama dan pekerjaan
36. Teori *stimulus-value-role* menerangkan:
- A) keinginan pasangan
 - B) perkembangan hubungan romantik
 - C) nilai asas cinta
 - D) kadar perkahwinan campur
37. Lelaki biasanya mempunyai lebih kuasa dalam perkahwinan kerana:
- A) kekuatan fizikalnya yang lebih
 - B) ianya lebih tua
 - C) ia memperolehi dan memiliki lebih kewangan
 - D) wanita biasanya akan patuh kepada lelaki
38. Kajian mendapati lebih lama menanggung perkahwinan:
- A) semakin kurang peluang untuk berkahwin
 - B) lebih bahagia perkahwinan yang bakal ditempuhi
 - C) kebarangkalian untuk bercerai semakin tinggi
 - D) tiada satupun di atas

39. Orang bujang yang tidak mencari pasangan tetapi terbuka dalam soal berkahwin adalah dari jenis:
- A) *ambivalents*
 - B) *wishfuls*
 - C) *resolveds*
 - D) *regretfuls*
40. 'Honeymoon Effect' adalah:
- A) masa apabila pasangan berubah demi kebaikan
 - B) masa apabila mereka yang baru berkahwin tidak mempunyai masalah
 - C) kecenderungan mereka yang baru berkahwin untuk tidak melihat masalah yang ada
 - D) kecenderungan untuk menilai peranan yang diterima
41. Kesan kerja kepada lain-lain aspek kehidupan dinamakan:
- A) *family work*
 - B) *work spillover*
 - C) *role overload*
 - D) *role strain*
42. Apabila tanggapan dan jangkaan peranan sebagai ibubapa, pasangan dan pekerja bertentangan atau memerlukan individu melakukan dua perkara dalam satu masa, maka dijangkakan _____ akan berlaku.
- A) *role ambiguity*
 - B) *role breakdown*
 - C) *role strain*
 - D) *interrole conflict*
43. Kanak-kanak yang menjaga diri mereka sendiri selepas bersekolah dipanggil:
- A) *independent children*
 - B) *empty nest*
 - C) *latchkey children*
 - D) *flexible-schedule children*
44. Pandangan bahawa keganasan terhasil dari personaliti si pendera dikenali sebagai model _____ of family violence.
- A) *ecological*
 - B) *psychiatric*
 - C) *social situational*
 - D) *patriarchy*

45. Pandangan bahawa keganasan rumahtangga berlaku akibat daripada struktur tekanan dan norma budaya dipanggil sebagai model _____ *of family violence*.

- A) *resources*
- B) *ecological*
- C) *social situational*
- D) *psychiatric*

46. Berikut merupakan antara sebab mengapa wanita masih mahu tinggal dalam perhubungan yang penuh dengan keganasan rumahtangga **KECUALI**:

- A) percaya kepada impian yang unggul
- B) kawan dan keluarga menggalakkan mereka untuk tinggal
- C) tekanan keagamaan
- D) anak-anak perlukan bapa mereka

47. Lenore Walker membuat andaian bahawa ramai wanita masih tetap bersama si pendera dalam perhubungan yang penuh keganasan akibat dari :

- A) *learned helplessness*
- B) *religious pressure*
- C) *responsibility*
- D) *alcohol dependency*

48. Pembahagian harta benda, alimoni dan saraan anak adalah aspek:

- A) perceraian emosi
- B) perceraian ekonomi
- C) perceraian undang-undang
- D) perceraian psikik

49. Antara berikut yang manakah **PALING PENTING** dalam proses perceraian menurut Bohannon?

- A) *community*
- B) *psychic*
- C) *emotional*
- D) *economic*

50. 'No-fault divorce' :

- A) mendatangkan kesan yang besar kepada kadar perceraian
- B) melibatkan pertambahan masa dalam proses undang-undang
- C) bermaksud tiada sesiapa yang disalahkan, dizalimi atau sebagainya
- D) kesemua di atas

51. Berikut merupakan peringkat perkembangan keluarga tiri **KECUALI**:

- A) *fantasy*
- B) *implantation*
- C) *mobilization*
- D) *resolution*

52. Dalam peringkat manakah, ibubapa biologi menjangkakan anaknya untuk menerima ibu atau bapa baru sepertimana mereka menerima pasangan baru tersebut?

- A) *awareness*
- B) *immersion*
- C) *fantasy*
- D) *mobilization*

53. Dalam peringkat yang manakah, keluarga tiri membentuk norma dan peraturan baru dalam rumahtangga?

- A) *mobilization*
- B) *action*
- C) *contact*
- D) *resolution*

54. Konflik yang berlaku dalam keluarga tiri berbeza dengan apa yang terjadi dalam keluarga nuklear tradisional di mana konflik yang terhasil berpusat kepada hal-hal berikut **KECUALI**:

- A) *favoritism*
- B) *personal conflict*
- C) *discipline*
- D) *money*

55. Komunikasi dalam keluarga yang bahagia melibatkan perkara-perkara berikut **MELAINKAN**:

- A) berterus terang
- B) pendengar yang baik
- C) memberi fokus kepada personaliti ketika konflik
- D) menerima dan menghantar mesej dengan jelas

56. 'Cohesion' boleh dirujuk sebagai:
- A) gabungan dua atau lebih ahli dalam sesebuah keluarga
 - B) perapatan emosi yang dialami oleh ahli keluarga terhadap satu sama lain
 - C) kemampuan sistem keluarga untuk berubah apabila berhadapan dengan tekanan semasa
 - D) kesemua di atas
57. Ketiadaan salah seorang ibu atau bapa kebiasaannya:
- A) membawa ibu lebih rapat dengan anak-anaknya
 - B) menjadikan ibu lebih responsif kepada anak-anak
 - C) menyebabkan ibubapa lebih bertolak ansur dengan anak-anak
 - D) kesemua di atas
58. Fungsi keluarga termasuklah
- A) menjalankan peranan sosial
 - B) membentuk proses sosialisasi anak-anak
 - C) melaksana perkhidmatan kerja rumah
 - D) kesemua di atas
59. Intimasi:
- A) mempunyai pengaruh yang sedikit terhadap kesihatan
 - B) adalah salah satu fungsi keluarga yang semakin terpinggir
 - C) tidak dapat disediakan oleh binatang peliharaan
 - D) adalah keperluan asas manusia
60. Keluarga di mana kita membesar juga dikenali sebagai:
- A) *family of orientation*
 - B) *family of cohabitation*
 - C) *family of procreation*
 - D) *traditional family*

BAHAGIAN B (20 SOALAN)
BETUL/SALAH
SILA BULATKAN JAWAPAN

1. Pendekatan sistem keluarga mengandaikan sesebuah keluarga ada mempunyai struktur yang hanya boleh dilihat melalui interaksi dalam keluarga tersebut.

B/S

2. Teori konflik melihat konflik keluarga sebagai satu aspek negatif dalam kehidupan rumahtangga.

B/S

3. Teori perkembangan kognitif mencadangkan bahawa kemampuan individu untuk meramal akibat dari sesuatu tindakan akan mempengaruhi tingkahlaku mereka.

B/S

4. 'Verbal Appellation' merujuk kepada menggunakan perkataan yang berbeza untuk menerangkan gelagat yang sama.

B/S

5. Androgynous merupakan ideologi yang mencadangkan bahawa anak-anak memerlukan sepenuh perhatian dan kasih sayang yang tidak berbelah bagi daripada si ibu untuk menjadi manusia yang sihat dan berguna.

B/S

6. 'Intensive mothering' adalah kombinasi sifat *instrumental* dan *expressive* yang unik dan mempengaruhi peranan gender seseorang.

B/S

7. Komponen utama cinta yang intim adalah pendedahan sendiri.

B/S

8. Rungutan yang paling kerap didengar dari pasangan yang berkahwin ialah "kami tidak berkomunikasi".

B/S

9. Suami menyampai mesej yang jelas kepada isteri berbanding mesej yang disampaikan oleh para isteri kepada suami mereka.

B/S

10. Semakin intim pasangan, semakin kurang mereka mengalami konflik.

B/S

11. Para suami selalu percaya mereka mempunyai kuasa yang lebih dalam perhubungan berbanding realiti sebenar yang berlaku.

B/S

12. Perbezaan dan konflik adalah sebahagian daripada perhubungan yang sihat.

B/S

13. Kecenderungan untuk memilih pasangan yang mempunyai persamaan peribadi atau kumpulan yang sama dikenali sebagai *homogamy*.

B/S

14. *Work spillover* banyak berlaku kepada lelaki.

B/S

15. *Role strain* adalah masalah yang paling menekan kepada keluarga dwikerjaya.

B/S

16. Kajian mendapati isteri yang bekerja mempunyai kuasa yang lebih di rumah berbanding isteri yang tidak bekerja.

B/S

17. Keganasan rumahtangga boleh berlaku disebabkan isu domestik seperti penjagaan anak

B/S

18. Perceraian emosi berlaku setelah perceraian undang-undang selesai.

B/S

19. Remaja jarang menyalahkan diri mereka apabila kedua ibubapa mereka berpisah.

B/S

20. Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh keluarga tunggal dan keluarga tiri adalah berpunca daripada stigma yang diberikan kepada mereka serta kurangnya sokongan daripada masyarakat.

B/S

BAHAGIAN C (SOALAN STRUKTUR)

JAWAB SEMUA SOALAN DI RUANG YANG DISEDIAKAN

1. Bincangkan konsep *bipolar gender role*. Kenapa ia merupakan satu pandangan yang salah? (5 markah)

2. Bincangkan konsep *equity*. Nama dan bincangkan teori keluarga yang paling relevan dengan konsep ini. (5 markah)

3. Nyatakan empat jenis orang bujang/anak dara (singles). (4 markah)

4. Senaraikan empat faktor peningkatan golongan bujang (singles). (4 markah)

5. Nyatakan empat faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang wanita untuk memasuki pasaran kerja. (4 markah)

6. Terdapat beberapa ciri kerja rumah yang telah dibincangkan. Senaraikan empat daripada ciri-ciri tersebut. (4 markah)

7. Nyatakan 4 sebab kenapa wanita masih tinggal dengan suami yang menderanya (4 markah)